

**TEKS UCAPAN Y.BHG NAIB CANSELOR  
PROGRAM MARHABAN YA RAMADAN: KEDATANGANMU DI  
NANTI, KEPULANGANMU DI RINDUI**

*SALUTASI*

**Bismillahirrahmanirrahim**

**YBhg. Prof Madya Dr. Wan Nazjmi bin Mohamed Fisol**

Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa

**YBhg. Dr.Rohani binti Desa**

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni

**YBhg. Tuan Haji Mohd Zaini bin Haji Ramli**

Timbalan Naib Canselor Kelestarian Institusi & Jaringan Industri

**YBrs. Haji Mohd Fahmi bin Sheikh Omar,**

Pendaftar UniSHAMS

**YBhg. Ustaz Zakaria bin Othman**

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Negeri Kedah

**YBhg. Ust Abdullah Khairi bin Haji Haroon**

Penceramah Bebas

Yang Berusaha,

Dekan-dekan, pengarah-pengarah pusat, ketua-ketua jabatan,

Seterusnya pegawai-pegawai UniSHAMS yang dirahmati Allah SWT sekalian.

## **KATA-KATA ALUAN**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

الحمد لله رب العلمين، وبه نستعين، على أمور الدنيا  
والدين،  
والصلاه والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين،  
وعلى آله  
وأصحابه أجمعين، لاحول ولا قوه الا  
بإله العلي العظيم.

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada hari yang berbahagia ini dalam Program Marhaban Ya Ramadan : “***Kedatanganmu di nanti, kepulanganmu dirindui***” dan ***slot khas bersama Lembaga Zakat Negeri Kedah***. Selawat dan salam kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w. Penghulu segala Rasul, pembawa rahmat sekalian alam.

## **Hadirin dan hadirat sekalian**

1. Alhamdulillah kita semua baru selesai mendengar ceramah taujihat untuk menghadapi bulan yang mulia, bulan penuh barakah iaitu Bulan Ramadhan, yang telah disampaikan oleh **Ust Abdullah Khairi bin Haji Haroon**, penceramah bebas merangkap pelajar Ph.D kita.
2. Hebatnya bulan ramadhan adalah kerana ganjaran yang Allah s.w.t sediakan pada bulan ini yang tiada pada bulan-bulan yang lain. Semua perkara yang dilaksanakan di bulan penuh barakah ini bermula dari menahan lapar, menjaga pandangan, memelihara tuturkata malah turut menjaga pancaindera yang lain, bertujuan untuk mendidik jiwa supaya bertaqwa kepada Allah s.w.t.
3. Seperti yang saya katakan sebentar tadi, kita bakal memasuki bulan yang mulia: Ramadan. Ia merupakan peluang bagi kita untuk bersungguh mengejar ganjaran hebat yang dikurniakan oleh Allah s.w.t kepada umat Muhammad s.a.w. Justeru, di kesempatan ini saya ingin mengambil peluang untuk mengajak semua warga UniSHAMS bagi memperhebatkan amal ibadah pada bulan yang mulia lagi barakah ini. Jika kita mampu untuk berjaga malam kerana menunggu siaran tertentu kenapa tidak kita berjaga malam untuk menanti Lailatul Qadar yang sudah pasti ganjarannya bersamaan 1000 bulan.

## **Tuan tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah**

4. Di kesempatan ini juga, saya ingin menyeru kepada semua staf untuk meningkatkan sumbangan zakat kita kepada potongan zakat yang diuruskan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah. Pada Tahun 2020, jumlah sumbangan zakat yang disumbangkan oleh 185 orang staf UniSHAMS berjumlah RM 250,321.60 (Dua Ratus Lima Puluh Ribu, Tiga Ratus Dua Puluh Satu Ringgit dan Enam Puluh Sen).

5. Untuk makluman semua staf UniSHAMS, semua potongan zakat yang kita sumbangkan dipulangkan semula kepada pihak Universiti dan secara tidak langsung, perkara ini membantu meningkatkan keupayaan kewangan universiti. Syukur kepada Allah.

Akhir kalam,

Doa dan harapan saya, semoga kehadiran kita di sini diberkati Allah.

Ramadhan Kareem.

Saya akhiri dengan Wabillahi Taufik  
Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.